

Kakitangan awam ponteng wajar kena tindakan keras

B. H. M/sic
24.1.07

DARIPADA semua kesalahan serius dilakukan kakitangan awam, ponteng daripada bertugas mendahului senarai hingga kerajaan terpaksa mencari penawar baru untuk mengatasinya. Disebabkan itu, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mencadangkan supaya nama kakitangan kerajaan yang ponteng atau menghilangkan diri tanpa kebenaran (AWOL) didedahkan, sebagai amaran kepada mereka agar tidak dikenakan tindakan disiplin lebih berat termasuk dibuang kerja. Mereka diberi tempoh tujuh hari untuk kembali bertugas dan melaporkan diri atau digugurkan secara automatik, sekali gus tidak berhak menerima pencen, walaupun sudah lama berkhidmat. JPA terpaksa mengambil langkah drastik kerana kejadian ponteng atau tidak hadir di pejabat tanpa memberitahu ketua jabatan masing-masing berlaku hampir setiap minggu. Tindakan itu memang wajar kerana kita tidak mahu melihat kakitangan kerajaan sentiasa sibuk dengan urusan peribadi, senyap-senyap berniaga dan terbabit dengan penyalahgunaan dadah, tetapi tugas dan tanggungjawab hakiki mereka adalah berkhidmat untuk negara. Selain kakitangan biasa, pegawai peringkat lebih tinggi juga sebelum ini pernah dilaporkan bermain golf pada waktu pejabat menyebabkan banyak urusan tertangguh dan tergendala.

Prestasi kakitangan perkhidmatan awam mendapat perhatian khusus Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika beliau mula-mula memegang jawatan berkenaan pada 2003 lagi. Malah, beliau juga pernah dipertanggungjawabkan mengawasi perkhidmatan awam ketika menjadi menteri pada 1980-an lagi. Kita percaya beliau akan terus menegur tabiat buruk sesetengah kakitangan awam ini yang walaupun hanya segelintir, tetapi menjejaskan nama baik perkhidmatan awam kita. Selain Perdana Menteri, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan juga bersikap tegas untuk mewujudkan budaya kerja baru dalam perkhidmatan awam dan tidak memberi peluang dan ruang kepada mereka yang melanggar peraturan atau bekerja di bawah tahap memuaskan. Antara tindakan yang akan dikenakan termasuk memotong gaji, diturunkan pangkat atau tidak diberi kenaikan gaji. Kakitangan awam yang lembap dan malas ini memberi gambaran negatif terhadap sistem penyampaian kerajaan dan sudah sampai masanya perubahan dan pembaharuan ini dilakukan sejajar dengan sasaran kerajaan untuk meraih status negara maju menjelang 2020.

Kita percaya jika masalah ini terus dibiarkan, apa juga program yang diatur sudah tentu tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Kita berharap apa juga tindakan yang diambil pihak atasan dalam perkhidmatan awam termasuk menyiarkan nama mereka yang ponteng dalam akhbar mampu menangani masalah kelemahan dalam sistem penyampaian, sekali gus membantu kerajaan melaksanakan program pembangunan negara dengan lebih berkesan. Kakitangan awam kini menghadapi cabaran baru dalam tugas mereka – melaksanakan tugas sebaik mungkin dan tidak melanggar peraturan. Mereka semakin diperhatikan dalam usaha kerajaan meningkatkan mutu perkhidmatan yang disalurkan kepada rakyat, lebih-lebih lagi melaksanakan program disusun dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Kakitangan dan pegawai yang menjalankan tugas sambil lewa dan culas serta lembap melaksanakan projek pembangunan sudah tentunya tidak mempunyai tempat dalam pentadbiran kerajaan.